


TENDER DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN TENDER

(JILID 2/2)

BAGI

**CADANGAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENCETAK, MENYISIH DAN
MENGEPOS NOTIS SENARAI NILAIAN BARU BAGI PEGANGAN-
PEGANGAN BERKADAR DI DALAM KAWASAN
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

NO. TENDER	MBSJ.KUB.400-5/8/150
TARIKH BUKA	7 MAC 2024
TARIKH TUTUP	27 MAC 2024
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

SENARAI KANDUNGAN		
BIL.	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.0	SPEKIFIKASI TEKNIKAL	ST 1 - ST 4
2.0	SPEKIFIKASI PERKHIDMATAN	SP 1
3.0	TERMA BAYARAN	TB 1
4.0	KADAR DENDA	KD 1
5.0	DOKUMEN PERJANJIAN	DP 1
6.0	CONTOH NOTIS SENARAI NILAIAN BARU	CN 1 - CN 3
7.0	CONTOH SAMPUL SURAT BERTINGKAP	CSS 1

ARAHAN

Petender adalah **DILARANG** sama sekali meletakkan tanda pengenalan syarikat atau apa jua maklumat berkaitan seperti cop syarikat, nama kakitangan syarikat atau tanda tangan pada mana-mana bahagian di dalam Jilid 2 ini.

Kegagalan petender untuk mengikut arahan sedemikian boleh **MENYEBABKAN TAWARAN TENDER DITOLAK.**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

TAJUK TENDER : CADANGAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENCETAK, MENYISIH DAN MENGEPOS NOTIS SENARAI NILAIAN BARU BAGI PEGANGAN-PEGANGAN BERKADAR DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/150

1.0 SPESIFIKASI TEKNIKAL

SPESIFIKASI NOTIS SENARAI NILAIAN BARU ADALAH SEPERTI DI JADUAL :

** Petender diwajibkan menanda (SETUJU / TIDAK SETUJU) pada ruangan Pematuhan*

** Sila nyatakan cadangan petender sekiranya 'TIDAK SETUJU'*

A. NOTIS SENARAI NILAIAN BARU :-

BIL	SPESIFIKASI MINIMUM / SETARAF		SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN SPESIFIKASI PETENDER (SILA NYATAKAN ATAU LAMPIRKAN DOKUMEN BERKAITAN SEKIRANYA TIDAK SETUJU)
1	Kertas Putih	Petender perlu menyediakan kertas putih Simili bersaiz A4 dengan ketebalan 80gsm.		
		Petender perlu membuat cetakan berwarna untuk Logo MBSJ.		
2	Sampul Surat Bertingkap	Petender dikehendaki membekalkan sampul surat (Bertingkap): i. Saiz : 9 ½ inci x 4 ½ inci ii. Berat helaian : 100 gsm. * mengikut kadar standard yang ditetapkan oleh Pos Malaysia Berhad		

BIL	SPESIFIKASI MINIMUM / SETARAF		SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN SPESIFIKASI PETENDER (SILA NYATAKAN ATAU LAMPIRKAN DOKUMEN BERKAITAN SEKIRANYA TIDAK SETUJU)
3	Notis Senarai Nilai Baru	Petender perlu mencetak, melipat, menyisih notis-notis Senarai Nilai Baru berdasarkan alamat pengeposan sama ada dalam Lembah Klang, di luar Lembah Klang dan di luar negara.		
4	Kos Pengeposan/ Kos setem dalam negara	Kos pengeposan/kos setem/kos penghantaran mengikut standard dalam negara yang ditetapkan oleh syarikat pengeposan.		
5	Kos Pengeposan/ Kos setem luar negara	Kos pengeposan/kos setem/kos penghantaran ke luar negara seperti yang ditetapkan oleh syarikat pengeposan.		
6	Salinan Notis Senarai Nilai	Mengemukakan salinan Notis Senarai Nilai Baru dalam bentuk PDF untuk simpanan pihak MBSJ.		
7	Format Notis Senarai Nilai Baru	<p>Petender perlu mengemukakan satu sampel Notis Senarai Nilai Baru sebelum proses pencetakan/pengeposan dilakukan dan perlu dipersetujui secara bertulis oleh pihak Majlis.</p> <p>Petender perlu membuat QR Code (Quick Response) pada Notis Senarai Nilai Baru dengan pautan ke halaman yang mengandungi informasi berkaitan Senarai Nilai Baru. Kandungan informasi ini akan disediakan dan diserahkan oleh pihak MBSJ kepada petender.</p>		

B. PENGURUSAN NOTIS-NOTIS SENARAI NILAIAN BARU YANG DI KEMBALIKAN :-

BIL	SPESIFIKASI MINIMUM / SETARAF		SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN SPESIFIKASI PETENDER (SILA NYATAKAN ATAU LAMPIRKAN DOKUMEN BERKAITAN SEKIRANYA TIDAK SETUJU)
1.	Notis-notis Senarai Nilai Baru yang dikembalikan	Pihak petender perlu membuat pengeposan semula notis-notis yang di kembalikan setelah pengesahan alamat dilakukan oleh pihak MBSJ (berdasarkan arahan bertulis MBSJ).		

C. LAPORAN PEMBUKTIAN PENYERAHAN NOTIS SENARAI NILAIAN BARU KEPADA PEMILIK HARTA.:-

BIL	SPESIFIKASI MINIMUM / SETARAF		SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN SPESIFIKASI PETENDER (SILA NYATAKAN ATAU LAMPIRKAN DOKUMEN BERKAITAN SEKIRANYA TIDAK SETUJU)
1	Pembuktian penyerahan Notis Senarai Nilai Baru kepada pemilik.	Petender perlu mengemukakan satu laporan pembuktian penyerahan Notis Senarai Nilai Baru kepada pemilik-pemilik harta (doket atau apa jua bentuk laporan yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia Berhad) beserta laporan pembuktian oleh petender.		

PENGHANTARAN DATA:-

BIL	SPESIFIKASI MINIMUM / SETARAF		SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN SPESIFIKASI PETENDER (SILA NYATAKAN ATAU LAMPIRKAN DOKUMEN BERKAITAN SEKIRANYA TIDAK SETUJU)
1	Penghantaran Data	Penghantaran data-data berkenaan Senarai Nilai Baru akan dilakukan secara maya oleh Jabatan Teknologi Maklumat, MBSJ menggunakan <i>FTP (File Transfer Protocol) / text files / spreadsheet excel.</i>		

D. BAYARAN POS:-

BIL	SPESIFIKASI MINIMUM / SETARAF		SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN SPESIFIKASI PETENDER (SILA NYATAKAN ATAU LAMPIRKAN DOKUMEN BERKAITAN SEKIRANYA TIDAK SETUJU)
1	Bayaran Pos	Caj bayaran pos adalah mengikut nilai setem yang dikenakan oleh syarikat pengeposan bagi akaun yang beralamat dalam negara dan beralamat luar negara.		
		Pihak petender hendaklah mendahulukan apa-apa bayaran yang melibatkan bayaran setem / imprest / kurier / untuk kerja-kerja pengeposan Notis Senarai Nilai Baru bagi memastikan kerja-kerja pengeposan berjalan lancar.		

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

2.0 SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

BIL	BUTIRAN
1	Petender dikehendaki melaksanakan perkhidmatan ini untuk tujuan Senarai Nilai Baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor bergantung kepada arahan daripada Pegawai Penguasa atau wakilnya.
2	Tempoh perkhidmatan membekal, mencetak, menyisih dan mengepos Notis Senarai Nilai Baru ini adalah selama dua (2) bulan daripada tarikh mula kontrak .
3	Jangkaan tempoh mula perkhidmatan membekal, mencetak, menyisih dan mengepos Notis Senarai Nilai Baru adalah pada bulan April 2024. Walau bagaimanapun, tarikh sebenar akan dinyatakan didalam Surat Setuju Terima Tender.
4	Petender mestilah bersedia untuk dipanggil bagi memberi keterangan/pengesahan/mengemukakan sampel notis berhubung dengan tawaran yang dikemukakan sebelum pencetakan/pengeposan dilakukan. Sekiranya dipanggil oleh pihak MBSJ, kos-kos yang timbul bagi tujuan ini perlulah ditanggung sendiri oleh petender.
5	Kuantiti yang dinyatakan adalah ANGGARAN SAHAJA untuk satu (1) kali pengeluaran notis. Bayaran akan dibuat berdasarkan KUANTITI SEBENAR pengeluaran dan telah disahkan oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya.
6	Petender dikehendaki memastikan Notis Senarai Nilai Baru dipos atau dihantar selewat-lewatnya sebelum atau pada tarikh yang akan ditentukan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya.
7	INSURANS Petender hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful/Insurans Tanggungan Awam sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender). ** Walaubagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans.
8	BON PERLAKSANAAN Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00. (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).

* Petender wajib mengembalikan Dokumen Tender Jilid 2/2 pada tarikh tender ditutup.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

3.0 TERMA PEMBAYARAN

BIL.	BUTIRAN
1.	<p data-bbox="320 454 592 488">Terma Pembayaran</p> <p data-bbox="320 521 1410 589">Terma-terma pembayaran adalah tertakluk kepada keputusan pihak MBSJ. Terma-terma pembayaran tersebut adalah seperti berikut:</p> <ul data-bbox="368 622 1410 1037" style="list-style-type: none"><li data-bbox="368 622 1410 723">• Bayaran perkhidmatan akan dibuat setelah semua Notis Senarai Nilai Baru selesai dipos/dihantar oleh pihak petender mengikut spesifikasi perkhidmatan yang ditetapkan.<li data-bbox="368 723 1410 824">• Tuntutan pembayaran hendaklah disertakan laporan pembuktian penyerahan notis kepada pemilik secara bertulis dan bergambar (jika berkaitan) dan ditandatangani oleh pihak petender dan MBSJ.<li data-bbox="368 824 1410 857">• Mengisi Borang Akuan Siap Kerja MBSJ.<li data-bbox="368 857 1410 925">• Tuntutan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari selepas kerja-kerja selesai dilaksanakan.<li data-bbox="368 925 1410 1037">• Bayaran adalah mengikut kuantiti sebenar perkhidmatan berdasarkan laporan pembuktian penyerahan / pengeposan Notis Senarai Nilai baru yang telah diberi, dan perlu dinyatakan pada inbois tuntutan.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

4.0 KADAR DENDA

BIL.	BUTIRAN
1.	<p>Kadar Denda</p> <p>Sekiranya petender lewat *mengepos atau menghantar Notis Senarai Nilai Baru iaitu mengepos atau menghantar lewat pada tarikh yang akan ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya di dalam Surat Setuju Terima, Petender dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan menggunakan formula berikut:</p> <p>$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$</p> <p>* Bukti penghantaran / pengeposan adalah melalui syarikat pengeposan/doket Pos Malaysia Berhad.</p>

* Petender wajib mengembalikan Dokumen Tender Jilid 2/2 pada tarikh tender ditutup.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

5.0 DOKUMEN PERJANJIAN

BIL	BUTIRAN
1	<p>PERJANJIAN</p> <p>Menandatangani dokumen perjanjian di antara Petender dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Dokumen perjanjian akan disediakan oleh Jabatan Undang-undang MBSJ. Petender dikehendaki membayar kos untuk menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ seperti dinyatakan di dalam perkara 20.0 Arahan Kepada Petender.</p> <p>* Rujuk pada Arahan Kepada Petender di Dokumen Tender Jilid 1/2.</p>
2	Petender hendaklah bersetuju dan mematuhi perjanjian yang telah ditetapkan oleh MBSJ

6.0 CONTOH NOTIS SENARAI NILAIAN BARU

Berikut adalah contoh Notis Senarai Nilai Baru di dalam bentuk A4. Walau bagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada pindaan / arahan terkini daripada pihak MBSJ.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
 (JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA)
 PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
 TEL : 03-80264345/ 80264340/ 80267428

*QRCode untuk
Portal Website*

**NOTIS SENARAI NILAIAN BARU
 (AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 - SEKSYEN 141)**

NO. AKAUN CUKAI TAKSIRAN:

TARIKH:

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976				
NAMA & ALAMAT PEMILIK				
ALAMAT HARTA				
Harta Tuan/Puan telah dinilai sebagaimana berikut:				
KATEGORI BANGUNAN	NILAI TAHUNAN (RM)	KADAR CUKAI (%)	CUKAI TAHUNAN (RM)	CUKAI TAHUNAN (RM) YANG AKAN BERKUATKUASA
<p>Adalah dengan ini diberitahu bahawa kerja-kerja menilai semula pegangan-pegangan dalam kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Senarai Nilai Baru bagi Tahun 2020 telah siap dan Majlis Bandaraya Subang Jaya akan menjalankan semakan ke atas Senarai Nilai Baru di bawah ini pada</p> <p>Kuat kuasa Senarai Nilai Baru ini adalah pada.....</p> <p>Sesiapa yang tidak berpuashati di atas nilai yang dikenakan seperti alasan-alasan yang terkandung di dalam seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), bolehlah membuat bantahan secara bertulis kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan bantahan hendaklah sampai kepada Majlis sebelum.....</p>				
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA				

SEKSYEN 141, AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

- (1) Jika sesuatu Senarai Nilai telah disediakan atau diterima serta dipakai di bawah seksyen 137 pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis mengenainya dan mengenai tempat di mana Senarai Nilai atau salinannya boleh diperiksa dalam Warta dan melalui iklan dalam dua surat khabar tempatan sekurang-kurangnya satu daripadanya ialah dalam bahasa kebangsaan.
- (2) Seseorang yang mengaku sebagai sama ada pemunya atau penduduk sesuatu pegangan yang termasuk dalam Senarai Nilai atau sebagai ejen mana-mana orang itu boleh memeriksa Senarai Nilai itu dan membuat cabutan daripadanya tanpa bayaran.
- (3) Pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis dengan cara yang sama mengenai hari yang tidak kurang daripada empat puluh dua hari dari tarikh pemberitahuan itu dalam Warta bila pihak berkuasa tempatan akan bertindak menyemak Senarai Nilai dan mengenai semua hal dalam mana sesuatu pegangan adalah pada kali pertama dinilai atau nilai atasnya telah bertambah, pihak berkuasa tempatan hendaklah juga memberi notis kepada pemunya atau penduduknya.

SEKSYEN 142, AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

- (1) Seseorang yang terkilang atas mana-mana daripada alasan yang berikut:
 - (a) Bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
 - (b) Bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
 - (c) Bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilai itu adalah ditinggalkan daripadanya;
 - (d) Bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar ; atau
 - (e) Bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain.

boleh membuat bantahan secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum masa yang ditetapkan untuk menyemak Senarai Nilai itu.


- (2) Segala bantahan hendaklah disiasat dan mereka yang membuatnya hendaklah diberi peluang untuk didengar dalam penyiasatan itu sama ada mereka sendiri atau melalui ejen yang diberi kuasa.


Sebarang permohonan bantahan menggunakan saluran portal MBSJ www.mbsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

7.0 CONTOH SAMPUL SURAT BERTINGKAP

SAMPUL BAHAGIAN HADAPAN



 **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**
GEMILANG BERSAMA

NOTIS SENARAI NILAIAN BARU

SAMPUL BAHAGIAN BELAKANG

Jika tidak sampai, sila kembali ke:

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

SURAT INI TIDAK DAPAT DISERAHKAN
(TANDAKAN 'X' PADA PETAK YANG BERKENAAN)

<input type="checkbox"/> ALAMAT TIDAK LENGKAP	<input type="checkbox"/> SUDAH PINDAH	<input type="checkbox"/> TIADA JALAN INI
<input type="checkbox"/> TIDAK DIKETAHUI	<input type="checkbox"/> TIDAK DITUNTUT	<input type="checkbox"/> TIADA NOMBOR INI
<input type="checkbox"/> ENGGAN MENERIMA	<input type="checkbox"/> MENINGGAL DUNIA	<input type="checkbox"/> LAIN – LAIN